

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

TARIKH : 12 JUN 2014 [KHAMIS]

SOALAN :

Yb Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) kadar miskin tegar mengikut negeri serta kaum; dan
- (b) bilakah dijangkakan miskin tegar dalam negara menjadi sifar dan apakah kesannya terhadap status negara maju tahun 2020.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar miskin tegar mengikut negeri serta kaum adalah seperti berikut:

**Insiden Kemiskinan Tegar Mengikut Kaum Dan Negeri,
2009 - 2012**

	2009	2012
Malaysia	0.7	0.2
Etnik		
Bumiputera	1.1	0.3
Cina	0.1	0.0
India	0.3	0.2
Negeri		
Johor	0.1	0.1
Kedah	0.8	0.1
Kelantan	1.0	0.3
Melaka	0.1	-
Negeri Sembilan	0.1	0.1
Pahang	0.3	0.2
Pulau Pinang	0.1	0.0
Perak	0.5	0.2
Perlis	0.8	0.5
Selangor	0.1	0.0
Terengganu	0.5	0.2
Sabah & W.P Labuan	4.7	1.6
Sarawak	1.0	0.3
W.P. Kuala Lumpur	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	-	-

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara telah berjaya menangani kemiskinan tegar daripada 0.7 peratus pada tahun 2009 kepada 0.2 peratus pada tahun 2012. Kadar kemiskinan tegar yang amat kecil ini menggambarkan Kerajaan berjaya membasmi kemiskinan tegar. Malah, kemiskinan tegar hanya wujud sebagai poket-poket yang

perlu diberi perhatian. Seterusnya, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memberi perhatian kepada poket-poket kemiskinan ini melalui:

- i. program peningkatan keupayaan dan kebolehan (*capacity building*) menerusi program pendidikan dan latihan yang boleh memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk mendapat manfaat dari aktiviti ekonomi dengan mengaplikasi latihan dan kemahiran yang dipelajari/dimiliki. Umpamanya di bawah RMKe-10, program seperti ini digabungkan bersama program isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40%). Dalam tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan yang memanfaatkan seramai 8,194 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 2,430 peserta telah menamatkan latihan, 5,700 masih menjalani latihan manakala 64 orang tidak menamatkan latihan atas sebab-sebab tertentu. Daripada 2,430 peserta yang tamat latihan, seramai 1,688 orang telah berjaya mendapat pekerjaan, 306 masih mencari pekerjaan dan 436 orang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
- ii. program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program agropolitan dan peladangan kontrak. Program ini merangkumi pembangunan ladang berpusat serta kawasan penempatan semula yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan kemudahan awam seperti jalan raya, elektrik, bekalan air dan dewan orang ramai. Bagi tempoh RMKe-10, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;

- iii. program keusahawanan termasuk kemudahan pembiayaan kewangan mikro bagi membantu golongan ini menceburi aktiviti perniagaan mikro yang dapat memberi pulangan pendapatan yang lebih tinggi. Program ini disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Sehingga bulan Disember 2013, AIM telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM1.7 bilion yang memanfaatkan 346,245 Sahabat AIM manakala MARA telah mengeluarkan sebanyak RM26 juta bagi membantu 25,831 peminjam. TEKUN pula telah mengeluarkan sebanyak RM1,208 juta bagi membantu 128,416 peminjam sepanjang tahun 2011 sehingga tahun 2013; dan
- iv. program jaringan keselamatan sosial bagi golongan kurang produktif seperti seperti warga emas, ibu tunggal, kanak-kanak dan golongan orang kurang upaya. Pada tahun 2013, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan sebanyak RM540 juta bagi membantu golongan warga emas manakala sebanyak RM1.13 billion telah disalurkan bagi membantu golongan OKU.

Berdasarkan amalan perangkaan, kadar kemiskinan 0.2 peratus sudah dianggap sebagai ditangani sepenuhnya kerana kes-kes akan terus wujud disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan. Walau bagaimanapun, keadaan ini ditangani melalui jaringan keselamatan sosial.

Sekian, terima kasih.